

Artikel

Analisis Kandungan Visual Terpilih dalam Risalah Perayaan Hari Warisan George Town, Pulau Pinang

(Analysis of Selected Visual Content in the George Town, Pulau Pinang Heritage Celebration Brochure)

Lim Xiao Wei¹, Darwalis Sazan^{2*} & Kumaran Rajandran²

¹Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia

²Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: darwalissazan@usm.my

Diserah: 27 Januari 2024

Diterima: 25 April 2024

Abstrak: Perayaan Hari Warisan George Town begitu terkenal dengan warisan budayanya yang pelbagai dalam mempamerkan pengaruh budaya, tapak bersejarah dan tradisi yang unik. Walaupun perayaan ini dilihat sebagai satu tarikan malah terdapat persoalan dibalik kandungan visual, elemen tersurat dan tersirat serta ideologi dibalik perkaitan visual ini. Oleh itu, kajian ini memberi penelitian terhadap kandungan visual dalam risalah perayaan ini dan meneliti signifikansi utama yang menjadikan risalah perayaan ini sebagai salah satu tarikan UNESCO di Pulau Pinang. Objektif kajian ini adalah untuk (1) mengenal pasti kandungan visual dalam risalah, (2) menganalisis unsur tersurat dan tersirat (denotatif dan konotatif) dan (3) menganalisis perkaitan visual dengan ideologi dalam risalah ini. Bagi memenuhi kehendak objektif, kajian ini memanfaatkan kaedah penganalisan secara kualitatif melalui analisis kandungan visual. Hal ini melibatkan penggabungan semiotik, simbolisme budaya dan retorik visual untuk mendedahkan intipati komunikatif yang tertanam dalam risalah ini. Ia menekankan bahawa risalah bukan sahaja berfungsi sebagai alat promosi tetapi sebagai naratif visual yang memberikan pandangan mendalam tentang Perayaan Hari Warisan George Town. Hasilnya, budaya yang mewakili simbol kepelbagaian berbilang kaum boleh dilihat sebagai elemen eksplisit yang paling menonjol seperti mercu tanda bersejarah dan persembahan teks dan budaya. Manakala unsur tersirat pula menunjukkan imej Melayu, Cina dan India sebagai tanda perpaduan yang mewakili identiti Perayaan Warisan George Town. Kajian ini menyediakan asas untuk memelihara dan membudayakan Perayaan Warisan George Town untuk menyatupadukan masyarakat. Implikasi hasil kajian ini menekankan tentang signifikansi elemen budaya yang direpresentasikan secara visual sebagai satu promosi dan pemahaman Perayaan Hari Warisan George Town dalam kalangan masyarakat.

Kata kunci: Analisis visual; risalah; George Town; Pulau Pinang; Hari Perayaan Warisan

Abstract: George Town's Heritage Day Festival is renowned for its diverse cultural heritage showcasing its unique cultural influences, historical sites, and traditions. Although this festival is seen as an attraction, there are questions about the visual content, written and implied elements, and the ideology behind this visual connection. Hence, this study examines the visual content of this festival brochure and the main significance that makes this festival brochure one of the UNESCO attractions in Penang. The objectives of this study are to (1) identify the visual content in the brochure, (2) analyze explicit and implicit involves (denotative and connotative), and (3) analyze the visual connections with the ideology in the brochure. This study utilizes a qualitative analytical method through visual content analysis to meet the objectives. This involves the

integration of semiotics, cultural symbolism, and visual rhetoric to reveal the communicative essence embedded in this brochure. Consequently, cultures that symbolize diverse multiculturalism emerge as the foremost explicit features, exemplified by historical landmarks and textual and cultural elements presentations. At the same time, implicit elements depict pictures of individuals from Malay, Chinese, and Indian backgrounds as symbols of unity, embodying the identity of the George Town Heritage celebration. This research lays the groundwork for preserving and fostering George Town Heritage to promote unity within the community. The implications of the results of this study emphasize the significance of cultural elements that are represented visually as a promotion and understanding of the George Town Heritage Day Celebration in the community.

Keywords: Visual analysis; brochure; George Town; Pulau Pinang; George Town Heritage Celebration

Pengenalan

George Town, ibu negeri di Pulau Pinang merupakan bandar bersejarah yang unik dari sudut seni bina, kepelbagaian kaum dan budaya, hidangan campuran dan lain-lain telah mempengaruhi identitinya berkurun-kurun. Mengikut sejarah, George Town telah dibuka pada tahun 1786 oleh Kapten Francis Light di bawah Syarikat India Timur (British) (Nambiar, 2021). Chai (2011) menegaskan bahawa Pulau Pinang pada asalnya dinamakan sebagai Pulau Prince of Wales dan pemukiman yang berkembang menyebabkan nama tersebut ditukar dan kemudian dinamakan George Town selepas Raja George III. Peristiwa ini merupakan salah satu penubuhan awal British di Asia Tenggara kerana kedudukan Pulau Pinang yang strategik dan berada di Selat Melaka sebagai pelabuhan penting bagi perdagangan British di kawasan itu sehingga abad ke-19. Setelah meraih kemerdekaan, George Town menerima penghargaan sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008 selain Melaka (Khoo, 2020). Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan beberapa faktor yang menjadikan George Town sebagai tapak warisan khususnya landskap dan binaan George Town sebagai kota tradisional, kepelbagaian urusan perniagaan dan keupayaan dalam sumbangan pelestarian sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Mengikut sejarah hampir 250 tahun pembangunan di George Town. orang Melayu merupakan penduduk paling awal dan membentuk sebahagian besar penduduk di kawasan tersebut dan pada 2020, populasi di George Town mencecah 708.127 hasil daripada gabungan pelbagai kaum antaranya ialah melibatkan etnik utama yakni Melayu, Tionghoa dan India manakala komuniti kecil terdiri daripada etnik Tionghoa Peranakan, Benggali, India Muslim, Thailand, Burma, Eurasia, Jepun, Korea dan pelbagai kelompok ekspatriat menonjolkan keunikan identiti yang ada di bandar George Town berbanding di bandar lain (Jamalunlaili, Azam dan Bustami, 2013).

Untuk tujuan ini, penjelasan yang rinci diketengahkan dengan menyatakan fungsi Perayaan Warisan di George Town sebagai satu cara untuk melindungi dan mempamerkan warisan budaya bandar ini dengan memastikan pemeliharaannya untuk generasi akan datang di samping mengangkat identiti George Town selaku tapak warisan UNESCO (Badruzaman dan Khoo, 2014). Secara tidak langsung, perayaan ini dapat mempengaruhi ekonomi negara melalui sektor pelancongan sama ada dalam negara mahupun di luar negara. Perayaan yang disambut setiap 7 Julai ini membentuk kelangsungan yang berpanjangan kepada masyarakat dalam menyambut perayaan ini yang perlu dihargai.

Perayaan ini perlu disambut bagi menghormati, mengingati dan menunjukkan elemen-elemen budaya, sejarah dan tradisional kawasan, masyarakat atau tapak warisan secara khusus. Perayaan ini bertindak sebagai platform untuk merayakan dan mengekalkan kebudayaan adat, tradisi, seni, kraftangan, bahasa, masakan dan sejarah yang unik. Dalam hal ini, perayaan ini juga menarik perhatian penduduk tempatan dan orang luar dilihat sebagai pemangkin pertumbuhan pelancongan yang pesat disebabkan tarikan Tapak Warisan Dunia (WHS) (Shamsuddin, Sulaiman dan Amat, 2012).

Wong dan Er (2019) menjelaskan bahawa pengiktirafan George Town sebagai tapak Warisan Dunia telah mewujudkan pengkomersilan pelancongan dan landskap ekonomi masyarakat tempatan. Menyedari kepentingan Perayaan Warisan ini, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah memikul tanggungjawab untuk menjadikan perayaan ini sebagai daya tarikan kepada masyarakat selain memberi

kesedaran tentang usaha pemuliharaan dan pemeliharaan bandar ini. Sama pentingnya dengan memeliharanya, penggunaan alat visual telah berkembang dengan ketara sebagai bahan promosi, menggabungkan elemen visual dan linguistik untuk menggambarkan identiti sebenar sesuatu perayaan. Bentuk visual ini lazimnya diketengahkan melalui risalah, poster, iklan dan lain-lain. Dalam mempromosikan perayaan ini, penetapan tema tahunan dalam risalah akan dilaksanakan di samping lokasi, tentatif program, bajet, keselamatan turut menjadi intipati perayaan ini. Kepelbagaian program akan menarik minat khalayak dan memberikan pengalaman bermakna kepada individu yang ikut serta yang mewujudkan pengalaman interaktif secara langsung.

Berdasarkan penelitian, penyelidik ingin mengenal pasti elemen visual dan tekstual yang terkandung dalam risalah ini yang bertujuan untuk mendedahkan bagaimana unsur-unsur yang terdapat dalam risalah Perayaan Hari Warisan George Town mempengaruhi identiti dan reputasi globalnya. Oleh itu, satu kajian ini perlu dilaksanakan yang bertujuan menjawab persoalan-persoalan kajian yang berpaksikan kepada 3 objektif utama iaitu (1) untuk mengenal pasti kandungan visual yang terdapat dalam risalah Perayaan Warisan George Town, (2) menganalisis elemen denotatif dan konotatif yang merangkumi elemen tersurat dan tersirat dan akhir sekali (3) menganalisis melibatkan perkaitan ideologi dalam visual risalah perayaan ini secara keseluruhan.

Dapat dijelaskan bahawa kajian ini mempunyai signifikansi yang besar sama ada dari sudut sosial, politik, ekonomi mahupun pendidikan. Natijahnya, kajian sebegini mampu meneroka visual secara keseluruhan di samping dapat meneliti budaya, agama mahupun kaum. Satu kajian dan pemahaman yang lebih mendalam tentang mesej asas dan ideologi dalam konteks perayaan perlu dikupas.

Sorotan Kajian Lepas

1. Visual Sebagai Teks Perayaan Warisan George Town

Dalam kajian yang dicadangkan ini, tumpuan diberikan kepada analisis imej yang terdapat dalam risalah Sambutan Warisan George Town. Aspek visual yang terdapat dalam risalah ini secara intrinsik berkaitan dengan sektor industri budaya, seni, dan pelancongan. Pembuatan risalah ini, secara keseluruhannya, bertujuan untuk menarik perhatian penonton dan mendorong keterlibatan serta kegembiraan mereka dalam aktiviti perayaan. Elemen visual adalah sangat penting dalam merefleksikan atmosfera sebenar dalam sebarang aktiviti sosial, fizikal, atau sejarah. Di samping itu, perspektif Kowalski, Limber dan McCordm (2019) mengesyorkan bahawa pendekatan visual berpotensi untuk menghubungkan penonton secara lebih dekat dalam perkongsian pengetahuan budaya di dalam komuniti, geografi, atau rangkaian yang serupa.

Usaha besar dalam memelihara warisan budaya boleh merangkumi bagaimana peristiwa-peristiwa mempengaruhi kesedaran budaya, memberikan penghargaan dan menyalurkan amalan budaya kepada generasi muda. Hal yang sama berlaku untuk aktiviti perayaan yang dipromosikan dalam bentuk risalah visual. Hal ini, membentuk pemahaman khalayak berdasarkan sumber visual dan mesej dalam visual yang ditawarkan (Sukmayadi dan Effendi, 2020).

Melihat risalah Perayaan Warisan George Town, pelbagai elemen visual disajikan kepada penonton, yang menonjolkan konsep sebenar Perayaan Warisan George Town dalam mempromosikan pelbagai aktiviti. Ketonjolan visual juga membawa maksud dan ideologi di sebalik visualisasi risalah ini. Selain itu, elemen visual yang terkandung dalam risalah ini agak mencabar untuk diperolehi, terutama dalam sumber visual risalah perayaan yang lain. Dalam konteks ini, visual yang disajikan adalah representasi budaya dan pelancongan yang dihasilkan dengan teliti untuk tujuan promosi. Kelebihan ini akan mempengaruhi nilai kepuasan tempatan dan luar negeri dengan maklumat yang terdapat dalam risalah. Francesconi (2011) menyatakan bahawa menggunakan risalah membantu membina persepsi positif pembaca. Visual Warisan George Town membentuk naratif yang ideal melalui konsep budaya yang dilihat sebagai strategi promosi.

2. Konteks Perayaan Hari Warisan George Town

Terdapat banyak inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluaskan sektor budaya dan pelancongan. Menurut Malek et al. (2022), pada zaman ini, bandar-bandar di seluruh dunia memasuki fasa pasca-industri, di mana peralihan dari ekonomi industri ke ekonomi kreatif yang berfokuskan perkhidmatan

telah mencetuskan model bandar kreatif. Tidak dapat dinafikan, George Town menunjukkan persamaan yang jelas dengan penerimaan model bandar kreatif yang dapat dilihat daripada pelbagai aset budaya, baik fizikal mahupun abstrak. Menyedari kepentingan warisan budaya dalam menarik pelbagai penonton, pentadbiran tempatan George Town telah bekerjasama dengan pertubuhan warisan dan penganjur acara untuk memperkenalkan dasar-dasar yang inovatif yang memenuhi keperluan peserta tempatan dan antarabangsa. Penyesuaian telah dilaksanakan dalam dasar-dasar awam, tempat acara, program budaya dan keselamatan peserta untuk memupuk suasana sambutan warisan yang bertenaga di bandar ini.

Permintaan yang meningkat dari penduduk tempatan dan luar telah menyebabkan peningkatan yang ketara dalam ketersediaan penginapan budaya dan pelancongan di George Town. Johnes et al. (2022) menyatakan bahawa kepentingan perayaan rakyat sebagai komponen penting budaya dalam memupuk harmoni etnik dalam masyarakat Malaysia yang berbeza. Menilai kesan potensi perayaan rakyat ini terhadap harmoni hubungan memerlukan pertimbangan dimensi motivasi. Hal ini selaras dengan dasar negara yang memberi tumpuan kepada pembangunan destinasi pelancongan melalui seni, budaya, dan acara khas seperti Warisan Dunia George Town sambil melaksanakan program-program yang meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan seni dan budaya yang meningkatkan kepelbagaian budaya dan identiti kebangsaan dan sebagainya. Dasar-dasar ini sering melibatkan inisiatif yang menetapkan keseimbangan antara pemeliharaan warisan budaya, pembangunan ekonomi, dan penegasan identiti budaya negara (Shchelkina, 2016).

Perayaan warisan ini umumnya melibatkan pelbagai program yang direka untuk mempersembahkan budaya yang berbeza di bandar ini. Perayaan George Town menjadi suatu acara tahunan yang penting untuk meraikan seni, budaya dan warisan. Perayaan ini sering menampilkan aktiviti yang menonjolkan kepentingan sejarah dan seni bina bandar serta mempromosikan penghargaan yang lebih mendalam terhadap pengiktirafan George Town sebagai Warisan Dunia UNESCO.

Berdasarkan penelitian sorotan kajian secara keseluruhan, kajian melibatkan elemen visual dalam teks seperti dalam risalah masih lompong tambahan lagi melibatkan sambutan Hari Warisan yang konteksnya luas untuk dikaji. Penggunaan risalah sebagai data kajian juga menyumbang kepada kelompangan kajian dalam kajian visual perayaan warisan. Kebanyakan tertumpu pada penghuraian perayaan dan budaya yang mengabaikan mesej tersurat dan tersirat yang disampaikan melalui representasi visual. Di samping itu, terdapat penyelidikan yang sangat terhad tentang bagaimana komponen visual menyumbang kepada pemuliharaan dan promosi warisan budaya George Town dengan dasar dan inisiatif budaya yang lebih luas. Penyelidikan ini berupaya memberi manfaat daripada kajian empirikal yang menilai persepsi masyarakat dan implikasi budaya perwakilan visual dalam konteks perayaan warisan. Maka aspek keterhubungan budaya dengan visual, strategi pemeliharaan warisan dan usaha pembangunan komuniti dalam konsep Perayaan Warisan George Town dapat diteroka. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk meneroka intipati komunikatif yang tertanam dalam kandungan visual risalah perayaan ini.

Metodologi

1. Rekabentuk Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif di mana intipati penyelidikan memerlukan analisis visual yang teliti membuat metodologi yang paling sesuai. Imej visual melibatkan penghantaran mesej melalui aspek imej, penerbit dan khalayak. Data dari kaedah ini akan dikumpulkan, dikategorikan, dan dianalisis secara deskriptif berdasarkan analisis kandungan visual. Menurut Machin (2004), penyelidikan analisis visual memerlukan ketelitian dalam menerangkan ciri imej dan bahasa. Penyelidikan kualitatif juga membolehkan pemahaman yang kritis terhadap pengalaman individu, tingkah laku yang khusus kepada konteks, dan makna subjektif yang diberikan oleh peserta terhadap tindakan mereka. Seperti yang dijelaskan, penyelidik akan mengadopsi dan menyesuaikan pendekatan semiotik sosial yang menggabungkan kerangka analisis kandungan visual oleh Leeuwen dan Jewitt (2004) dan kerangka wacana kritis oleh Fairclough (1995) dalam kajian ini. Gabungan kerangka ini bertujuan untuk menganalisis kandungan visual, representasi imej dan ideologi dalam risalah Perayaan Warisan.

2. Pengumpulan Data

Penyelidikan ini menggunakan 5 risalah Perayaan Warisan digital daripada laman web rasmi Lembaga Warisan Dunia Georgetown di: <https://gtwhi.com.my/>. Set data termasuk 5 risalah Perayaan Warisan George Town, sebagaimana yang terlihat di laman web tersebut. Ini kerana analisis visual ini melibatkan skop yang sangat luas, dan penyelidik perlu menghadkan set data supaya dapatan kajian relevan dengan aspek yang dikaji. Pengagihan visual dalam risalah juga sangat meluas, seperti visual permainan tradisional, pakaian tradisional, kraf warisan, dan lain-lain. Dalam penyiasatan wacana kritis dan analisis kandungan visual, data penyelidikan ini dianggap mencukupi. Setiap risalah membincangkan aspek yang akan dianalisis oleh penyelidik, terutama mesej linguistik dalam imej dari perspektif denotatif, konotatif, dan ideologi. Data risalah digital yang akan dianalisis termasuk risalah yang terdapat di laman web rasmi pada tahun 2015, 2016, 2017, 2018 dan 2019. Dalam kajian ini, penyelidik hanya akan menganalisis data yang terdapat dalam format digital.

Penyelidikan ini melibatkan empat langkah utama. (1) Mengumpulkan data yang terdapat secara digital di laman web, iaitu 5 data yang dipilih. (2) Meneliti kandungan visual dan mengategorikan visual tersebut. (3) Mengenal pasti elemen denotatif dalam visual dan mesej linguistik, aspek denotatif dan konotatif dalam setiap risalah. (4) Menganalisis hubungan visual secara keseluruhan dengan ideologi dalam risalah-risalah tersebut. Dengan mengikuti langkah-langkah ini, penyelidik dapat mengumpulkan maklumat secara sistematik, mengenali elemen reka bentuk yang menyumbang kepada mesej keseluruhan dan menemui mesej tersirat, perwakilan budaya, atau nilai-nilai yang tersemat dalam risalah-risalah tersebut. Pendekatan komprehensif ini yang melibatkan empat langkah memastikan pengenalan yang teliti terhadap risalah-risalah promosi. Metodologi ini melangkah lebih jauh daripada analisis kandungan semata-mata, menyelami ke lapisan-lapisan makna yang lebih mendalam dan memahami asas ideologi serta perwakilan budaya yang tersemat dalam elemen visual dan tekstual. Pengetahuan ini dapat membantu dalam merancang strategi komunikasi yang sejajar dengan naratif yang diinginkan dan persepsi khalayak.

3. Analisis Kajian

Menurut Adnan dan Mad Saad (2020), analisis kritis yang melibatkan media dapat mencakup semua aktivitas semiotik, baik lisan maupun non-lisan, seperti grafik, video, gambar, dan lain-lain, yang terjadi pada tingkat kesadaran penonton, berfungsi sebagai medium untuk strategi komunikasi. Kerangka teori Leeuwen dan Jewitt (2004), yang didasarkan pada pendekatan semiotik sosial kritis, terdiri dari tiga aspek utama: makna representasional, makna komposisional, dan makna interaktif. Dalam kerangka ini, peneliti hanya akan menyesuaikan dan terbatas kepada penelitian sasek makna komposisi. Makna komposisional ini memungkinkan peneliti untuk menyelidiki sumber visual dan teks dalam risalah Perayaan Warisan dan bagaimana kandungan visual dan representasi gambar berdasarkan elemen denotatif dan konotatif muncul dalam risalah Perayaan Warisan.

Berkenaan dengan makna representasi, hal ini berkaitan dengan bagaimana imej menghantar subjek atau peristiwa tertentu. Subjek boleh melibatkan individu atau kumpulan, orang, tempat, atau konsep abstrak yang diwakili oleh objek yang hidup atau tidak hidup dalam imej. Peristiwa merangkumi konteks situasi imej, merangkumi peserta dan proses atau aktiviti yang digambarkan di dalamnya. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak akan membincangkan aspek ini. Aspek interaktif melibatkan hubungan antara pembaca dan peserta imej berdasarkan petunjuk bahasa, perspektif naratif, refleksi, saiz visual, dan perspektif. Hal ini dipengaruhi oleh ciri-ciri unik objek yang menjadi peserta dalam imej dan sebaliknya.

Seerti yang dijelaskan sebelum ini, analisis kandungan visual dan interpretasi imej dianggap relevan berdasarkan asas semiotik, dengan tumpuan secara eksklusif pada aspek makna komposisional. Menganalisis ketiga-tiga elemen akan melibatkan skop yang terlalu meluas. Penyelidik akan menyambungkan aspek yang difokuskan dalam kajian ini dengan ideologi yang terdapat dalam penghasilan kandungan visual dalam risalah-risalah ini. Justifikasi adalah bahawa aspek yang difokuskan dianggap relevan dan sejajar dengan rangka kerja penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Zubir dan Halim (2020) menganggap bahawa wacana kritis dapat menerangkan isu-isu sosial seperti penyalahgunaan, pergolakan kuasa, penyebaran dan penyerapan ideologi, nilai-nilai, identiti, perubahan sosial, dan sebagainya. Dalam kajian ini, penyelidik juga menggabungkan kerangka Fairclough untuk mengenal pasti ideologi dalam risalah-risalah Perayaan Warisan, yang terdiri daripada tiga dimensi utama.

Dimensi pertama melibatkan analisis tekstual, menumpukan kepada ciri-ciri teks atau karakteristik linguistik, termasuk struktur teks, tatabahasa, lexis, dan kohesi. Dimensi kedua ialah amalan wacana, menginterpretasikan hubungan antara proses produksi dan interpretasi wacana dan teks. Sementara itu, dimensi ketiga ialah proses sosial, merangkumi penjelasan hubungan antara proses wacana dan proses sosial. Ini merangkumi aspek kepemimpinan, politik, budaya, ideologi, hegemoni, ekonomi, dan sebagainya.

Dalam kerangka ini, fokus penyelidikan semata-mata berkisar pada aspek ideologi untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas tentang pembinaan risalah Perayaan Warisan dengan ideologi mereka. Analisis wacana kritis biasanya bertujuan untuk mengungkap makna di sebalik imej, logo, warna, nombor, dan sebagainya. Kress (1990) mencadangkan bahawa dalam masyarakat, terdapat keperluan untuk menghubungkan bentuk-bentuk tekstual dan sosial semasa produksi dan penggunaan teks. Dengan hubungan ini, konteks sebenar dalam amalan masyarakat dan budaya dapat ditubuhkan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Elemen Denotatif

Berdasarkan penemuan-penemuan ini, ciri-ciri konkrit elemen visual melukiskan realiti dan difahami melalui susun atur dan kepentingan mereka dalam imej. Dalam perspektif ini, penekanan terhadap kandungan visual tertumpu pada pengenalanpastian perwakilan eksplisit konsep warisan yang terdapat dalam risalah Perayaan Warisan George Town. Penelitian terhadap kandungan visual menggunakan elemen eksplisit dalam gambar untuk mengelaskan jenis imej visual dan menilai kekerapan mereka. Menurut analisis yang dijalankan, jadual di bawah menunjukkan penemuan menyeluruh berdasarkan kekerapan data yang diperoleh untuk aspek eksplisit dalam risalah Perayaan Warisan George Town.

Berdasarkan jadual 1, perwakilan utama Perayaan Warisan George Town dalam risalah adalah menampilkan slogan tapak warisan budaya, lokasi dan tarikh dalam risalah ini. Melalui slogan tapak warisan budaya, lokasi dan tarikh amatlah penting untuk memberikan gambaran ringkas dan memperkenalkan atau memberi panduan kepada pembaca untuk menyelami butiran perayaan ini. Hal ini merujuk kepada frasa atau ungkapan unik yang berkaitan dengan tapak warisan budaya yang terdapat dalam Perayaan Warisan George Town. Slogan ini direka untuk merangkum kepentingan terhadap konteks sejarah bagi setiap tapak yang dipromosikan dalam visual. Penyertaan slogan-slogan ini dalam tajuk bertujuan untuk menarik perhatian dan menyampaikan pengalaman budaya yang unik di tapak-tapak ini.

Terminologi "Perayaan Warisan" dilihat sebagai bahasa yang paling kerap digunakan untuk melambangkan perayaan tersebut dalam tajuk utama. Perwakilan visual lain dalam risalah memberi tumpuan kepada pengiktirafan penajaan yang menjadi perwakilan kedua tertinggi dalam risalah. Sementara itu, perwakilan kedua dan ketiga adalah mercu tanda Warisan George Town dan imej tokoh Melayu, Cina, India, dan lain-lain untuk tajuk utama risalah. Memaparkan individu dari latar belakang etnik Melayu, Cina, India, dan lain-lain dalam risalah menandakan budaya yang pelbagai di George Town. Pada dasarnya, tujuan di sebalik elemen-elemen ini dalam risalah adalah untuk menyajikan kekayaan budaya, kepelbagaian, dan semangat kerjasama yang berlatarbelakangkan Perayaan Warisan George Town.

Tajuk utama risalah memainkan peranan penting dalam menyatakan kepentingan dan keutamaan pelbagai aspek risalah. Oleh itu, tajuk-tajuk berfungsi sebagai alat yang berkesan untuk menyampaikan mesej penting, menarik perhatian dan membimbing pembaca untuk menyelami pelbagai aspek Perayaan Warisan George Town. Hal ni dapat mewujudkan kesedaran yang lebih mendalam terhadap warisan budaya dan kepelbagaian yang berkaitan dengan perayaan tersebut.

Selain itu, visual lain yang mewakili perayaan ini dalam risalah adalah simbol seni bina. Situs-situs keagamaan seperti masjid, kuil dan gereja mencontohkan beragam praktik keagamaan yang diamati di George Town. Gabungan pelbagai elemen dalam risalah menunjukkan pentingnya budaya dan sejarah dari tempat keagamaan ini, menunjukkan suasana yang harmoni dari pelbagai agama di wilayah tersebut. Rumah-rumah Peranakan pula melambangkan budaya Peranakan yang khas, yakni menggabungkan pengaruh dari tradisi Tionghoa, Melayu dan Indonesia. Representasi dalam risalah ini menonjolkan keragaman budaya dan gaya seni bina yang unik pada warisan serta menyumbang kepada keunikan Perayaan Warisan George Town.

Keunikan ini menjadi daya tarik utama bagi penduduk setempat dan orang luar dan berdasarkan penelitian, Mohd. Yusoff (2018) menjelaskan bahawa peranan utama perayaan warisan adalah berdasarkan keunikannya yang membentuk kepuasan kepada destinasi yang dipilih.

Jadual 1. Elemen denotatif dalam visual risalah Perayaan Warisan George Town

Elemen visual	Representasi	Kekerapan data
Tajuk/Tema Utama	Slogan	5
	Lokasi dan Tarikh	5
	Penghargaan Penajaan	5
	Tempat-tempat tapak warisan	5
	Imej Melayu, Cina, India dan kaum lain	4
Bahasa	Melayu	5
	Cina	5
	India	4
	Inggeris	5
	Jawi	5
	Telugu	1
	Malayalam	1
	Punjabi	1
Gujarat	1	
Warna	Biru	1
	Coklat	2
	Kombinasi warna lain	1
Simbol Seni Bina	Masjid	3
	Kuil	3
	Gereja	4
	Rumah Peranakan	2
	Rumah Melayu	5
	Rumah Cina	5
	Rumah India	5
	Bangunan warisan lain	5
Simbol Imej Manusia	Melayu	5
	Cina	5
	India	5
	Kaum lain	5
Simbol Perayaan	Lawatan tapak	4
	Menyanyi dan seni tarian warisan	5
	Seni dan kraftangan	3
	Permainan tradisional	3
	Hidangan masakan tradisional	5
	Masakan simbolik Melayu tradisional	5
	Makanan simbolik Cina tradisional	5
	Makanan simbolik India tradisional	5
	Bengkel komuniti	5
	Imej lain	Peta
Kod respons pantas (QR Code)		3
Maklumat lain (e-mel, nombor telefon dan laman Facebook)		5

Selain itu, struktur monumen dalam risalah melambangkan peranan mereka dalam membentuk landskap budaya dan sejarah George Town yang juga merangkumi pelbagai struktur seperti bangunan kolonial dan rumah-rumah tradisional. Imej bangunan warisan ini menegaskan kepentingan mereka dalam memelihara sejarah dan tradisi George Town. Penyertaan imej yang mewakili Melayu, Cina, India dan kaum lain dalam

Perayaan Warisan George Town mempunyai kepentingan budaya dan simbolik yang besar. Keanekaragaman representasi ini mencerminkan kepelbagaian budaya George Town, mengakui dan meraikan sumbangan pelbagai komuniti etnik terhadap warisan di kawasan tersebut. Kewujudan imej pelbagai kaum melambangkan kesatuan, inklusiviti dan kewujudan harmoni yang berlatarbelakangkan budaya yang berbeza dalam masyarakat. Hal ini menekankan sejarah bersama dan tradisi budaya yang bersama-sama membentuk identiti unik George Town. Pada hakikatnya, visual imej pelbagai kaum ini memainkan peranan penting dalam memupuk rasa bangga, penghargaan dan pemahaman terhadap warisan yang menjadi inti Perayaan Warisan George Town.

Bagi simbol-simbol perayaan pula, elemen ini merangkumi aktiviti seperti lawatan tapak, nyanyian, serta penglibatan dalam seni dan kraftangan, sesi melukis, permainan tradisional dan bengkel komuniti. Acara ini juga melibatkan masakan simbolik dan tradisional budaya Melayu, Cina dan India. Perayaan ini memberi kuasa kepada peserta untuk secara aktif meneroka dan menyumbang kepada pemeliharaan warisan budaya dan sejarah George Town. Melalui pengalaman langsung, individu dapat menjalin hubungan dan membangunkan penghargaan terhadap aspek unik tapak warisan. Tarian dan lagu tradisional berfungsi sebagai medium yang berkuasa untuk menyampaikan kekayaan budaya komuniti Melayu, Cina, India dan lain-lain, menumbuhkan rasa identiti dan bangga. Aktiviti-aktiviti ini membawa peserta dari latar belakang yang berbeza bersama-sama dan memudahkan pertukaran pengalaman perayaan warisan. Ini merupakan satu alternatif yang penting dalam membudayakan semangat inklusiviti dan perpaduan. Peserta dapat menghargai amalan budaya berbezaan yang khusus ada di George Town, Pulau Pinang.

Bengkel komuniti telah menjadi satu acara penting dalam perayaan ini, selain dari nyanyian, tarian warisan, permainan tradisional dan masakan simbolik tradisional pelbagai kaum. Bengkel ini mencipta platform untuk pembelajaran interaktif, membolehkan peserta untuk secara aktif terlibat dengan aspek budaya dan sejarah George Town. Bengkel ini sering melibatkan aktiviti praktikal, memberi individu pengalaman praktikal untuk lebih memahami warisan justeru kesedaran dapat diturunkan kepada generasi kini dan akan datang. Ini selaras dengan matlamat lebih luas untuk menggalakkan amalan pelancongan yang mampan dan bertanggungjawab dalam konteks pemeliharaan warisan.

Untuk menarik peserta ke dalam perayaan ini, penganjur menggunakan pendekatan yang menarik untuk membantu mereka yang menghadapi cabaran dengan menyediakan peta, kod QR dan maklumat hubungan lain untuk pertanyaan. Kepentingan strategi yang digunakan dalam Perayaan Warisan George Town untuk menarik peserta terletak dalam usaha untuk secara efektif melibatkan dan membantu individu. Melalui pendekatan yang menarik, penganjur berusaha untuk mengatasi cabaran yang dihadapi oleh peserta berpotensi. Menyediakan peta, kod QR dan maklumat hubungan tambahan berfungsi sebagai sumber berharga bagi peserta yang menghadapi kesulitan semasa perayaan. Kaedah ini memperkaya pengalaman peserta secara keseluruhan, menjadikan acara lebih mudah diakses, interaktif dan mesra peserta. Impak positif ini akan menyumbang kepada pemeliharaan tradisi apabila identiti dan budaya komuniti menjadi komponen integral.

2. Representasi Konotasi dari Gabungan Elemen Denotatif dan Konotatif

Dalam konteks Perayaan Warisan George Town, analisis kandungan visual menyeluruh terhadap Perayaan Warisan George Town mendapati bahawa terdapat elemen visual tertentu yang mewakili tema keseluruhan perayaan tersebut. Ini akan membincangkan mengenai elemen denotatif dan konotatif dalam risalah ini. Sebagai contoh, elemen visual tertentu seperti mercu tanda ikonik, persembahan budaya dan pelbagai budaya mungkin ditekankan untuk melambangkan kekayaan budaya yang lebih luas di George Town. Representasi sinikedok ini bertujuan untuk menyampaikan gambaran yang rumit dan menarik tentang perayaan tersebut. Berdasarkan analisis, kedua-dua elemen yang terdapat dalam risalah ini mewakili ciri-ciri sinikedok dari mercu tanda warisan dan tokoh Melayu, Cina dan India sebagai perwakilan simbol pelbagai kaum. Oleh itu, Jadual 2 di bawah menunjukkan ringkasan elemen denotatif dan penggambaran konotatif Perayaan Warisan George Town dalam risalah-risalah.

Jadual 2. Elemen denotatif dan konotatif dalam visual risalah Perayaan Warisan George Town

Representasi Perayaan	Elemen Denotatif	Elemen Konotatif
Mercu Tanda Warisan	Fizikal bangunan lama yang wujud di George Town	Melambangkan peristiwa bersejarah, nilai budaya atau pencapaian masyarakat yang penting.
	Seni bina berbentuk warisan dan unik	Atribut fizikal yang menarik pelancong sebagai titik tumpuan budaya dan sejarah.
Imej kaum Melayu, Cina dan India	Memakai hijab Memakai pakaian tradisional kaum Cina Memakai pakaian tradisional kaum India	Lambang perpaduan pelbagai kaum dan menggambarkan imej tersendiri mewakili budaya Perayaan George Town.

Dalam konteks Perayaan Warisan George Town, analisis kandungan visual menyeluruh terhadap Perayaan Warisan George Town mendapati bahawa terdapat elemen visual tertentu yang mewakili tema keseluruhan perayaan tersebut. Ini akan membincangkan mengenai elemen denotatif dan konotatif dalam risalah ini. Sebagai contoh, elemen visual tertentu seperti mercu tanda ikonik, persembahan budaya, dan pelbagai tokoh budaya mungkin ditekankan untuk melambangkan kekayaan budaya yang lebih luas di George Town. Representasi sinikedok ini bertujuan untuk menyampaikan gambaran yang rumit dan menarik tentang perayaan tersebut. Berdasarkan analisis, kedua-dua elemen yang terdapat dalam risalah ini mewakili ciri-ciri sinikedok dari mercu tanda warisan dan tokoh Melayu, Cina dan India sebagai perwakilan simbol pelbagai kaum. Jadual 2 di atas menunjukkan ringkasan elemen denotatif dan penggambaran konotatif Perayaan Warisan George Town dalam risalah-risalah.

Mercu tanda warisan merupakan struktur lama yang masih wujud di George Town berperanan sebagai simbol sinekdoke yang ketara. Seni bina unik dan reka bentuk warisan dapat menyampaikan makna berkaitan dengan peristiwa bersejarah, nilai budaya atau pencapaian komuniti yang memerlukan perhatian. Ciri-ciri fizikal mercu tanda ini menarik perhatian pelancong menjadikannya fokus budaya dan sejarah semasa Perayaan George Town. Seni bina yang istimewa ini membawa kepentingan sejarah, budaya dan komuniti, serta menarik pengunjung yang dapat menafsir dan memahami warisan mendalam George Town melalui ciri-ciri seni bina ini.

Selain itu, perwakilan imej Melayu, Cina dan India yang masing-masing mengenakan pakaian tradisional mereka yang unik, melambangkan semangat perpaduan antara pelbagai kaum, menampilkan intipati kepelbagaian budaya Perayaan George Town. Visual ini yang mengenakan pakaian tradisional Melayu, Cina dan India menambahkan kekayaan budaya. Setiap imej mewakili identiti budaya yang berbeza di George Town yang juga dilihat sebagai simbol perpaduan pelbagai kaum. Perwakilan ini menggambarkan realiti budaya yang sebenar. Hassan (2014) menjelaskan bahawa kepelbagaian budaya ini membantu merangsang penggabungan budaya di Malaysia dan meningkatkan aktiviti pelancongan, menjadikan elemen ini sebagai mesej konotatif dan denotatif yang kuat dalam menyampaikan perayaan warisan kepada masyarakat.

Melihat kepada pandangan sarjana dapat dijelaskan bahawa risalah ini secara strategik menggunakan unsur-unsur denotatif dan konotatif untuk menyampaikan warisan budaya yang kaya di George Town. Ciri-ciri denotatif seperti mercu tanda warisan dan perwakilan budaya Melayu, Cina, dan India berfungsi sebagai simbol yang nyat, mewakili signifikansi sejarah, budaya dan komuniti. Justeru hal ini menekankan koeksistensi budaya yang pelbagai dan harmoni semasa perayaan. Pada asasnya, risalah Perayaan Warisan George Town menggunakan gabungan strategik elemen denotatif untuk perwakilan faktual dan elemen konotatif untuk membangkitkan emosi, menanamkan rasa bangga dan mempromosikan rasa perpaduan. Unsur-unsur ini tidak hanya menarik perhatian tetapi juga membina hubungan yang bermakna antara masa lalu dan masa kini. Pada masa yang sama, unsur-unsur konotatif membangkitkan emosi dan menonjolkan perpaduan dalam kalangan pelbagai kumpulan etnik dan meraikan kewujudan harmoni pelbagai latar belakang budaya.

Hakikatnya, penggunaan sinekdoke dalam risalah Perayaan Warisan George Town mencerminkan strategi yang diperhatikan dalam konteks perayaan Pulau Pinang, bertujuan untuk menggambarkan realiti

perayaan melalui elemen visual sebagai satu impak yang signifikan dalam nilai terapan budaya, sejarah dan perpaduan secara menyeluruh.

3. Perkaitan Ideologi dalam Visual Risalah Perayaan Warisan George Town, Pulau Pinang

Perkaitan ideologi secara visual dalam risalah ini dilihat sebagai salah satu cara yang strategik bagi menyampaikan warisan budaya George Town kepada khalayak. Ideologi yang disampaikan melalui risalah visual merangkumi nilai asas yang mentakrifkan kehidupan masyarakat George Town dan mempromosikan agenda yang berkaitan dengan warisan budaya, kepelbagaian etnik dan keharmonian masyarakat. Setiap elemen visual dalam risalah sambutan Hari Warisan George Town sebagai penting dalam menyampaikan intipati ideologi acara tersebut. Melalui kandungan visual ini, unsur denotatif dan konotatif yang berfungsi merangkum warisan budaya George Town yang pelbagai rupa. Ideologi ini menekankan kepentingan memelihara dan mempromosikan warisan budaya sebagai identiti unik dan penting bagi penduduk George Town.

Melalui ciri denotatif, seperti tanda tempat ikonik dan perwakilan amalan budaya yang pelbagai, berfungsi sebagai simbol ketara kepentingan sejarah dan kekayaan budaya rantau ini. Unsur-unsur ini memberikan khalayak gambaran fakta warisan George Town, menawarkan gambaran keajaiban seni bina, kepelbagaian agama dan adat tradisinya. Unsur-unsur konotatif dalam risalah dilihat berupaya membangkitkan emosi dan menggalakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Dengan mempamerkan imej individu daripada pelbagai latar belakang etnik yang terlibat dalam aktiviti kebudayaan, risalah ini memupuk naratif keterangkuman dan keharmonian. Perwakilan konotatif ini mengatasi gambaran visual semata-mata, bertujuan untuk menyemai kebanggaan dan penghargaan terhadap permaidani budaya yang pelbagai di George Town. Hubungi emosi ini, risalah ini bertujuan untuk mempromosikan identiti dan kekitaan kolektif dalam kalangan penduduk dan pelawat, menekankan warisan bersama yang menyatukan masyarakat. Ideologi ini menggariskan kepentingan menghargai dan meraikan kepelbagaian budaya sebagai kekuatan yang mengukuhkan identiti dan perpaduan sosial dalam masyarakat.

Sehubungan dengan itu, kekuatan risalah visual terletak pada keupayaannya untuk membentuk persepsi dan mempengaruhi emosi dan kepercayaan khalayak juga dibentuk oleh ideologinya yang tersendiri. Melalui penggunaan imej yang bermakna, risalah ini merangsang perasaan bangga, penglibatan, dan kesedaran tentang kepentingan memelihara warisan budaya dan memupuk perpaduan dalam masyarakat. Justeru, risalah tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai alat promosi tetapi juga sebagai medium yang memainkan peranan penting dalam membentuk identiti, nilai, dan persepsi masyarakat berkenaan sambutan Hari Warisan George Town.

Dalam konteks ini, perkaitan visual dengan ideologi yang digambarkan dalam visual ini bukanlah satu imej semata-mata bahkan berupaya untuk membentuk persepsi dan memupuk kefahaman budaya. Susunan komponen visual yang disengajakan telah digabungkan dengan mesej teks yang dibina dengan teliti untuk mengketengahkan prinsip asas perayaan untuk memelihara warisan, meraikan kepelbagaian budaya dan memupuk perpaduan kaum. Melalui penggunaan penelitian semiotik dan simbolisme budaya dilihat sebagai instrumen mujarab untuk membentuk kesedaran budaya dan memupuk rasa hormat yang lebih mendalam terhadap Perayaan Warisan George Town.

Melalui analisis simbol-simbol dalam setiap imej dapat menafsirkan cerita budaya yang disampaikan, termasuk prinsip-prinsip keadilan dan keseimbangan dalam kehidupan masyarakat George Town. Hal ini berjaya merungkai makna ideologi yang disampaikan melalui elemen visual risalah. Pada asasnya, risalah ini juga dilihat sebagai satu wahana yang berfungsi sebagai pengisytiharan visual, menjelaskan asas ideologi perayaan dan menggalakkan penglibatan substantif dengan warisan budaya George Town.

Kesimpulan

Penyelidikan ini mengetengahkan dan membincangkan interpretasi imej Perayaan Warisan George Town yang disajikan dalam risalah. Tujuan utama risalah-risalah ini adalah untuk mempromosikan dan menonjolkan keunikan Perayaan Warisan George Town selain mempengaruhi pandangan individu dalam elemen-elemen visual yang diketengahkan dalam risalah. Maka perhatian yang teliti perlu diberikan kepada reka bentuk komposisi imej dan pilihan bahasa dalam risalah-risalah untuk menarik perhatian yang ketara dan

mempengaruhi objektif peribadi. Ringkasan analisis ini mendedahkan bahawa risalah ini terbentuk dari perwakilan konsep pelbagai budaya dan perpaduan selain struktur budaya dan pelancongan di George Town, Pulau Pinang. Reka bentuk risalah ini, yang ditandai dengan penggunaan strategik unsur-unsur denotatif dan konotatif memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi khalayak dan penyertaan. Objektif keseluruhan risalah Perayaan Warisan George Town berjaya dicapai.

Oleh itu, disarankan agar kajian akan datang dapat mengkaji visual komunikasi dalam risalah Perayaan Warisan George Town dari aspek media sosial dan impak perayaan ini dari perspektif masyarakat. Hasil kajian dari aspek yang berbeza ini dijangka dapat memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang komunikasi visual dalam perayaan ini. Selain itu, risalah Perayaan Warisan George Town bertujuan untuk menggalakkan masyarakat sama ada penduduk tempatan atau orang luar untuk melibatkan diri dalam perayaan ini sebagai dorongan untuk meresapi kepelbagaian budaya dan warisan yang di George Town. Pada masa yang sama, perayaan ini dapat menonjolkan keistimewaan dan keunikan tersendiri yang berbeza dari negeri-negeri lain di Malaysia.

Penghargaan: Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan di seluruh Malaysia. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

Persetujuan Termaklum: Persetujuan telah diperoleh daripada semua individu atau subjek yang menyertai kajian ini.

Konflik Kepentingan: Artikel ini tiada konflik kepentingan dengan mana-mana pihak.

Rujukan

- Abd. Rahim., F., & Tolba Saad, M. M. (2020). Persepsi orang awam dan profesional terhadap imej visual bandar Putrajaya. *Jurnal Kejuruteraan*, 32(2), 325-334. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2020-32\(2\)-17](https://doi.org/10.17576/jkukm-2020-32(2)-17).
- Abdul Malek, J., Lim, S. B., & Tahir, Z. (2022). *Bandar Pintar Ubiquitous (U-City): Konsep dan pelaksanaan pembangunan bandar masa hadapan* (Edisi 2) . Penerbit UKM.
- Adnan, F., & Mad Saad, S. (2020). Analisis wacana kritis bahasa dan kuasa: Kepimpinan dan permuafakatan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-18
- Badruzaman, N., & Khoo, S. L. (2014). Branding George Town world heritage site as city of gastronomy: Prospects of creative cities strategy in Penang. *International Journal of Culture Tourism and Hospitality Research*, 8(3), 322-332. <https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.1108/IJCTHR-08-2012-0065/full/html>
- Chai, L., T. (2011). Tourism and services engineering management seminar culture heritage tourism engineering at Penang: Complete the Puzzle Of "The Pearl of Orient". *Systems Engineering Procedia*, 1, 358–364.
- Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language* (1st Edition.). Longman.
- Francesconi, S. (2011). *English for tourism promotion: Italy in British tourism texts*. Milano, London: Hoepli.
- Hassan, H. (2014). Social Semiotics: Realizing Destination Image using Cultural Representations, *International Journal of Social Science and Humanity*, 5(1), 149-153. <https://doi.org/10.7763/IJSSH.2015.V5.443>
- Jamalunlaili, A., Azam, R., & Bustami, R. M. (2013). "Cultural sustainability in the built and natural environment" Socio-economic and cultural sustainability of Muslims in Georgetown World Heritage Site. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 85, 217-226. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.08.353>
- Johnes, J. Hussin, R., & Tangit, T., M. (2022). Keharmonian masyarakat melalui perayaan rakyat. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 19(6), 75-87.
- Khoo, S. L. (2020). Towards an inclusive creative city: How ready is the historic city of George Town, Penang?. *City, Culture, and Society*, 23, 125-142. <https://doi.org/10.1016/j.ccs.2020.100367>

- Kowalski, R. M., Limber, S. P., & McCord, A. (2019). A developmental approach to cyberbullying: Prevalence and protective factors. *Aggression and Violent Behavior, 45*, 20–32. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2018.02.009>
- Kress, G. (2009). *A social semiotic approach to contemporary communication* (1st ed.). Routledge.
- Leeuwen, T. V., & Jewitt, C. (2004). *The handbook of visual analysis: Visual meaning: A social semiotic approach*. Sage.
- Machin, D. (2004). Building the world's visual language: The increasing global importance of image banks in corporate media. *SAGE Journals, 3*(3), 182-195. <https://doi.org/10.1177/1470357204045785>
- Mohd. Yusoff, M. Y. (2018). Pemuliharaan warisan budaya melalui perundingan warisan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu, 17*(2), 143-159.
- Nambiar, P. (2021, November 25). *Activist sheds light on Penang 'founder'*. Free Malaysia Today. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/11/25/activist-sheds-light-on-penangs-founder/>
- Shchelkina, E. A. (2016). Modern forms of folk festival and folk cultural traditions. *Journal of Siberian Federal University: Humanities & Social Sciences, 6*(9), 1513-1520. <https://doi.org/10.17516/1997-1370-2016-9-6-1513-1520>
- Sukmayadi, V. & Effendi, R. (2022). Visual content analysis of Japan's halal tourism. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication, 36*(3), 312-324. <https://doi.org/10.31764/ijeca.v0i0.2009>
- Wong, M. H., & Er, A. C. (2019). Kajian kepustakaan indikator pelancongan warisan. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management, 4*(13), 90-101.
- Zubir, Z., & Halim, R. (2020). Analisis wacana kritis: Satu pengenalan umum. *Journal of Communication in Scientific Inquiry.1*, 57-64.